

07/05/2003

LNG sudah sumbang RM136b kepada pendapatan negara

Saidon Idris

KHAMIS ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan melancarkan projek gas asli cecair (LNG) ketiga Petronas di Bintulu, Sarawak.

Projek itu yang dikendalikan anak syarikat Petronas, Malaysia LNG Tiga Sdn Bhd (MLNG3), dan sudah memulakan operasinya 26 Mac lalu, meningkatkan

kapasiti pengeluaran LNG Malaysia kepada kira-kira 23 juta tan setahun.

Ia sekali gus mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai negara pengeluar LNG ketiga terbesar dunia.

Di kalangan syarikat minyak utama dunia pula, syarikat minyak kebangsaan, Petronas, menempa nama sebagai syarikat pengeluar LNG terbesar.

Sementara itu, Bintulu yang sebelum ini hanya sebuah perkampungan nelayan dengan kira-kira 5,000 penduduk, kini tertera di peta dunia sebagai lokasi kompleks LNG tunggal terbesar dunia.

Sebagai sebuah negara kecil yang tidak mempunyai rizab minyak dan gas sebanyak yang dimiliki negara Asia Barat, pencapaian Malaysia dalam industri LNG sangat membanggakan.

Ia membuktikan pandangan jauh pemimpin negara dan Petronas dalam memastikan sumber negara yang tidak seberapa itu menghasilkan pulangan maksimum, bukan saja untuk dinikmati generasi sekarang, malah akan datang.

Tahun lalu, LNG menyumbang RM12.4 bilion atau 5.6 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia.

Sejak Petronas menubuhkan Malaysia LNG Sdn Bhd (MLNG) pada 1978, nama bahan itu sudah tidak asing lagi kepada rakyat negara ini.

Namun, mungkin ramai yang tidak mengetahui gas asli sebelum ini hanyalah

`sisa buangan' daripada kegiatan huluan pengeluaran minyak mentah.

Dalam pengeluaran minyak mentah, gas asli turut dikeluarkan, tetapi sebelum MNLG memulakan operasinya, bahan itu dibakar begitu saja.

Presiden yang juga Ketua Eksekutif Petronas, Tan Sri Mohd Hassan Marican, menganggarkan negara kerugian kira-kira AS\$300,000 (RM1.14 juta)

sehari daripada pembakaran gas asli yang dihasilkan daripada kegiatan pengeluaran minyak mentah di pesisir pantai Sarawak sebelum MLNG beroperasi.

Jika didarab dengan 360 hari, setahun Malaysia kerugian sekitar RM410 juta.

"Namun, berikutan pandangan jauh pemimpin negara dan komitmen mereka mahu menduitkan semua khazanah yang ada dalam negara bagi memastikan ia dapat digunakan untuk kesejahteraan rakyat, sisa buangan itu kini menjadi

komoditi sangat bernilai dan memberikan sumbangan besar kepada pendapatan

negara," kata Mohd Hassan pada taklimat ketika lawatan media ke kompleks LNG Petronas di Bintulu, baru-baru ini.

Projek LNG Petronas itu juga membolehkan negara memanfaatkan rizab gas

asli negara yang ketika ini dianggarkan berjumlah 88 trilion kaki padu.

Secara mudahnya, apa yang dilakukan di loji LNG Petronas di Bintulu ialah mengubah bentuk gas asli yang disalurkan daripada pelantar pengeluaran di luar pesisir pantai Sarawak kepada cecair.

Ia dilakukan melalui proses penyejukan gas asli itu ke paras suhu negatif 161 darjah Celsius. Proses itu mengecilkan molekul gas asli itu sebanyak 600 kali sehingga mengubah bentuknya kepada cecair.

Gas asli dalam bentuk cecair itu kemudian disalurkan ke kapal tangki yang direka khusus untuk bertindak seperti 'peti sejuk' terapung dengan mengekalkan suhu yang sama untuk dihantar kepada pelanggan.

Pelanggan LNG yang terdiri daripada syarikat utiliti kemudian menukar LNG kembali kepada bentuk asalnya dan menggunakannya sebagai bahan bakar untuk menjana tenaga.

"Gas asli dalam bentuk asalnya sukar untuk dijual, tetapi dengan mengubahnya kepada LNG, iaitu dalam bentuk cecair, ia menjadi komoditi berharga kerana boleh diangkut untuk penyerahan kepada pelanggan," kata jurutera Petronas yang menjelaskan mengenai proses penghasilan LNG dalam lawatan media itu.

Sejak Petronas menerokai kegiatan pengeluaran LNG, 20 tahun lalu, komoditi itu sudah menyumbang kira-kira AS\$36 bilion (RM136 bilion) kepada pendapatan negara.

Dari segi eksport, LNG menyumbang 2.8 peratus daripada nilai eksport kasar negara.

Kegiatan pengeluaran komoditi itu turut menarik kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) bernilai AS\$25 bilion (RM95 bilion) ke negara ini.

Daripada aspek penyediaan peluang pekerjaan pula, walaupun secara langsung, projek LNG di Bintulu hanya menyediakan pekerjaan kepada kira-kira 900 orang, namun secara tidak langsung ia sudah memberikan pekerjaan kepada kira-kira 20,000 orang.

Projek itu juga memberikan kesan limpahan yang begitu besar kepada negara, khususnya di Bintulu.

Bintulu sudah berubah daripada sebuah pekan kecil kepada sebuah bandar moden yang lengkap dengan pelbagai prasarana yang ada di sebuah bandar besar.

Jika dulu, perjalanan dari Kuching ke Bintulu mengambil masa kira-kira 14 jam, kini dengan adanya jalan raya lebih baik berikutan kehadiran projek LNG, masa perjalanan disingkatkan kepada hanya kira-kira enam jam.

Bintulu juga kini mempunyai lapangan terbang moden yang boleh mendaratkan pesawat besar Boeing 777.

Berikutan bertambahnya peluang pekerjaan dan perniagaan kesan limpahan daripada projek LNG itu, jumlah penduduk di Bintulu kini sudah meningkat kepada kira-kira 50,000 orang.

Sejarah pembabitan Malaysia dalam industri LNG bermula pada 1968 apabila sejumlah besar rizab gas asli ditemui di kawasan Luconia Tengah di luar pesisir pantai Sarawak.

Apabila Petronas ditubuhkan pada 1974 bagi meneroka hasil petroleum negara, satu kajian daya maju dijalankan bagi melaksanakan projek LNG di Sarawak.

Berikutan itu pada 1978, MLNG ditubuhkan secara usaha sama di antara Petronas yang memegang 65 peratus kepentingannya, Shell Gas BV (15

peratus), Mitsubishi Corporation, Jepun (15 peratus) dan Kerajaan Negeri Sarawak (lima peratus) dengan modal berbayar RM700 juta.

Ia memulakan operasinya pada Januari 1983 dengan kapasiti pengeluaran 8.1 juta tan setahun.

MLNG kini dimiliki 95 peratus oleh Petronas manakala baki lima peratus lagi dipegang oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

Ia berikutan langkah Shell dan Mitsubishi menjual kepentingan mereka kepada Petronas sejajar dengan perjanjian usaha sama ketika penubuhan MNLG.

Apabila lebih banyak penemuan gas di kawasan Luconia Tengah, di samping bertambahnya permintaan bagi LNG, Petronas bersama rakan kongsinya, Shell, Mitsubishi dan Kerajaan Negeri Sarawak, menubuhkan pula Malaysia LNG Dua Sdn Bhd (MLNG2) bagi mengendalikan loji pengeluaran LNG kedua.

Petronas memiliki 60 peratus kepentingan dalam MLNG2, Shell Gas (15 peratus), Mitsubishi (15 peratus) dan Kerajaan Negeri Sarawak (10 peratus).

Loji MLNG2 yang terletak bersebelahan loji MLNG memulakan operasi pada 1995. Ia mempunyai kapasiti pengeluaran 7.8 juta tan setahun.

Pada tahun yang sama juga, MLNG3 ditubuhkan bagi mengendalikan loji ketiga. Penubuhan MLNG3 itu adalah bagi memanfaatkan penemuan rizab gas baru di samping untuk memenuhi permintaan LNG yang semakin meningkat.

Petronas menguasai 60 peratus kepentingannya manakala pemegang saham lain ialah Shell Gas (15 peratus), Kerajaan Sarawak (10 peratus), Nippon Oil LNG (Netherlands) BV (10 peratus) dan Diamond Gas BV (lima peratus).

Apabila beroperasi pada tahap kapasiti penuh pada Oktober ini, MLNG3 mempunyai kapasiti pengeluaran 6.8 juta tan setahun.

Di samping kesan limpahannya kepada pembangunan ekonomi negara, projek LNG Petronas ini juga sudah menjuruskan Malaysia untuk menerokai satu perniagaan baru yang dulu hanya dimonopoli negara maju, iaitu perkapalan.

Bagi menyokong industri LNG, anak syarikat Petronas, Malaysian International Shipping Corporation Bhd (MISC) kini muncul sebagai pengusaha kapal tangki LNG terbesar di dunia dengan memiliki 15 kapal manakala empat lagi sedang dibina sementara dua sedang ditempah.